

02/02/2002

Surat akujanji untuk menteri diubah suai

PUTRAJAYA, Jumaat - Surat akujanji untuk ditandatangani semua Menteri Kabinet termasuk Perdana Menteri akan diubah suai berbanding yang ditandatangani kakitangan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata dokumen akujanji bagi anggota Kabinet itu sedang digubal kerana surat akujanji bagi kakitangan awam tidak boleh diguna pakai anggota pentadbiran kerana mereka tidak dikategorikan sebagai kakitangan awam.

"Ada perkataan tertentu dalam dokumen akujanji sekarang tidak sesuai untuk anggota pentadbiran seperti menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik.

"Sebaik saja dokumen itu siap, upacara rasmi menandatangani akan diadakan untuk kumpulan ini," katanya selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Katanya, Dr Mahathir selaku ketua pentadbiran, akan turut menandatangani dokumen akujanji itu yang akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Mengenai kemungkinan perubahan besar kepada kandungan akujanji untuk anggota Kabinet itu, beliau berkata semangat akujanji itu sendiri masih kekal meskipun ada pengubahsuaian dari segi bahasa yang digunakan untuk dokumen baru itu.

Rabu lalu, semua Menteri Kabinet bersetuju untuk menandatangani surat akujanji itu.

Oktober lalu, Kabinet memutuskan mewajibkan setiap kakitangan awam menandatangani akujanji selepas mendapati ada yang tidak mematuhi Perintah Am kerajaan.

Melalui peraturan itu, kakitangan awam tidak akan lagi mempunyai perasaan was-was untuk menjalankan segala arahan kerajaan.

Cuepacs, kesatuan sekerja induk sektor awam, bersetuju menerima pelaksanaan akujanji itu.

Cadangan itu asalnya bertujuan memastikan pensyarah dan pelajar universiti menjalankan tanggungjawab masing-masing dan tidak terbabit dalam aktiviti seperti kegiatan menentang kerajaan.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan sudah menandatangani akujanji itu baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri ketika ditemui pada majlis yang sama, berkata pihaknya akan mengkaji semula bagi memperhalusi pendekatan baru dalam Sistem Saraan Baru (SSB).

"Ya, kita akan kaji balik," katanya tetapi enggan memberitahu sama ada Dr Mahathir memberi tempoh tertentu bagi JPA memperhalusi semula kajian itu.

Semalam, Perdana Menteri berkata beberapa perkara dalam kajian semula SSB itu perlu dihalusi.

Kerajaan memerlukan perbelanjaan tambahan lebih RM1 bilion setahun jika mengguna pakai pendekatan baru seperti disyorkan dalam kajian semula SSB bagi kakitangan awam itu.

Khamis lalu, JPA memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai hasil kajian semula SSB.

(END)